

Sarawak boleh maju dalam industri petro kimia, pelancongan

UM 25 MAY 1991

MIRI 24 Mei — Sarawak berpotensi untuk maju sebagai pusat industri petro kimia dan pelancongan yang terbesar di Malaysia sekiranya usaha - usaha yang dijalankan oleh kerajaan mendapat sokongan sepenuhnya daripada rakyat, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Bintulu umpamanya akan menjadi pusat industri petro kimia yang terpenting di negara.

Manakala Taman Negara Mulu di mana terletak gua yang terbesar di dunia (gua tersebut boleh memuatkan lebih 40 buah kapal terbang Boeing 747 di dalamnya) berpotensi untuk menjadi pusat pelancongan yang terkemuka di rantau ini.

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatan rasminya ke sini petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir turut memuji Sarawak kerana tidak menunggu peruntukan Persekutuan untuk membangun negeri ini.

Beliau berkata bahawa jika dibandingkan dengan Sabah yang bersikap anti Persekutuan, Sarawak telah jauh maju ke hadapan.

"Lawatan saya ke Sarawak adalah yang terpanjang sekali walaupun saya pernah ke sini tetapi kali ini saya berpeluang melawat sebahagian besar negeri ini.

"Saya kagum dengan pembangunan Sarawak dan di sini ingin saya merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan negeri kerana pembangunan tidak sahaja tertumpu di ibu negara tetapi juga ke lain - lain bandar," katanya.

Beliau menambah, di antara aktiviti yang berjaya menarik perhatiannya ialah pembinaan bangunan - bangunan yang melambangkan pertumbuhan ekonomi Sarawak yang pesat.

Kata, Dato' Sri Dr. Mahathir, ini adalah satu perkara yang patut dihargai oleh penduduk Sarawak kerana tidak banyak negara membangun berjaya membina bangunan - bangunan awam.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga tertarik dengan kebersihan di bandar - bandar Sarawak serta keadaannya yang lebih tersusun dan besar.

"Satu perkara lagi yang menarik perhatian saya ialah sikap setiakawan rakyat Sarawak yang sentiasa riang tersenyum dan tidak bermuka masam.

"Keadaan yang aman dan tiada ketegangan kaum merupakan ciri - ciri yang amat menarik yang boleh menawan hati pelabur untuk terus datang ke sini dan begitu juga pelancong asing," katanya.

Beliau menambah, Bintulu juga telah banyak berubah jika dibandingkan dengan lawatan terakhirnya pada tahun 1983.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, dengan kemudahan infrastruktur yang ada sekarang Bintulu akan menjadi pusat industri petro kimia yang terbesar di Malaysia dan mungkin akan wujud pula industri sokongan yang lain.

"Dulu pekan Bintulu yang lebih dikenali sebagai pekan belacan itu telah bertukar wajah," kata Perdana Menteri.

Mengenai politik Sarawak, beliau berpuashati Parti Bansa Dayak (PBDS) pimpinan Datuk Leo Moggie mencari jalan bekerjasama dengan Parti Bersatu Bumiputera (PBB) pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Haji Taib Mahmud.

Katanya, PBDS harus menerima hakikat dan mengambil kira bukan sahaja kepentingannya tetapi kedua - dua belah pihak.

"Pertelingkahan yang berpanjangan hanya merugikan sahaja dan tidak akan membawa kepada kemajuan. Apa yang penting di sini ialah tolak ansur.

"Bagi Barisan Nasional (BN) kita memang ada persefahaman dan saya harap masalah antara PBDS dan PBB diselesaikan menurut semangat BN," tambah beliau lagi.

Mengenai spekulasi bahawa Ketua Menteri akan ditukarkan kerusi untuk bertanding atas tiket Parlimen dalam pilihanraya akan datang, Perdana Menteri berkata, Tan Sri Taib telah menjalankan tugasnya dengan baik untuk Negeri Sarawak.

"Tak tahu pula jika orang Sarawak tak mahu beliau lagi, tapi saya percaya tanpanya Sarawak tak akan membangun dengan begini pesat sekali," katanya dalam nada bergurau.